

**PERADUAN INSPIRASI MASAKAN BERSAMA LACTEL VIDEO CHALLENGE
TERMA DAN SYARAT**

A: Jadual Syarat Penyertaan

Penganjur	LACTEL MALAYSIA Lactalis Trading Malaysia Sdn Bhd (1295542-V) 25, Jalan Tandang, 46050 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Peraduan	INSPIRASI MASAKAN BERSAMA LACTEL VIDEO CHALLENGE (“Peraduan”)
Tempoh Peraduan	Peraduan “Inspirasi Masakan Bersama Lactel Video Challenge” bermula pada jam 00:00:01, 20hb Disember 2021 dan ditutup pada jam 23:59:59, 28hb Januari 2022 (“Tempoh Peraduan”). Minggu Pertama: 20 Disember 2021 – 26 Disember 2021 (Isnin – Ahad) Minggu Kedua: 27 Disember 2021 – 2 Januari 2022 (Isnin – Ahad) Minggu Ketiga: 3 Januari 2022 – 9 Januari 2022 (Isnin – Ahad) Minggu Keempat: 10 Januari 2022 – 16 Januari 2022 (Isnin – Ahad) Minggu Kelima: 17 Januari 2022 – 23 Januari 2022 (Isnin – Ahad) Minggu Keenam: 24 Januari 2022 – 28 Januari 2022 (Isnin – Jumaat) Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan tidak akan dilayan dan akan terbatal secara automatik.
Kelayakan	Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang berusia lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan identiti pengenalan sah (MyKad) pada permulaan Tempoh Peraduan (setiap seorang " Peserta " dan secara kolektif, " Peserta "). Penganjur berhak untuk meminta dokumen pengenalan sebagai bukti pengesahan identiti Peserta. Golongan berikut tidak berkelayakan untuk menyertai Peraduan ini: (a) Pekerja-pekerja Penganjur, syarikat-syarikat sekutunya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibu bapa, adik beradik dan pasangan mereka); dan (b) Pekerja-pekerja bagi ejen-ejen atau kontraktor-kontraktor Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan dan keluarga terdekat mereka (suami/isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan pasangan mereka).
Kaedah Penyertaan	Untuk menyertai Peraduan ini, Peserta mestilah melaksanakan tiga (3) langkah mudah seperti berikut: Langkah 1 – Merakam Video Masakan

	<p>Peserta harus merakam SATU (1) video masakan menggunakan Lactel Natural Set Yogurt.</p> <p>Langkah 2 – Muat Naik Video di Facebook atau Instagram</p> <p>(a) Setelah merakam video masakan, Peserta harus memuat naik video tersebut sebagai hantaran (post) di halaman Facebook atau Instagram.</p> <p>(b) Privasi post tersebut perlu ditetapkan kepada tontonan umum (public post).</p> <p>(c) Tag halaman Lactel Malaysia https://www.facebook.com/LactelMalaysia bagi penyertaan melalui Facebook atau @lactelmy bagi penyertaan melalui Instagram.</p> <p>(d) Sertakan hashtag #InspirasiMasakanBersamaLactel di dalam kapsyen.</p> <p>(e) Tag satu (1) kawan untuk mencalonkan mereka untuk menyertai Peraduan ini.</p> <p>Langkah 3 – Tingkatkan Peluang Anda Untuk Menang</p> <p>Untuk meningkatkan peluang untuk menang, Peserta digalakkan untuk melakukan adegan 'menerima & menghantar' dalam intro dan outro video tersebut untuk menunjukkan bahawa Lactel Natural Set Yogurt diterima oleh seorang Peserta dan dihantar kepada Peserta yang berikutnya.</p>
<p>Kriteria dan Proses Pemilihan Pemenang</p>	<p>1. Syarat-syarat Penyertaan:</p> <p>(a) Video dan kapsyen haruslah berkaitan dengan nama Peraduan "Inspirasi Masakan Bersama Lactel Video Challenge".</p> <p>(b) Produk Lactel Natural Set Yogurt haruslah ditunjukkan di dalam video dengan jelas.</p> <p>(c) Produk Lactel Natural Set Yogurt tidak boleh disunting menggunakan mana-mana aplikasi atau perisian untuk diletakkan di dalam video/gambar.</p> <p>(d) Video harus memaparkan Peserta.</p> <p>2. Penerimaan Penyertaan</p> <p>(a) Setiap penyertaan yang mengikuti setiap langkah-langkah yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat akan dikira sebagai hantaran penyertaan yang sah dan layak.</p>

- (b) Penyertaan yang tidak sah tidak akan diambil kira dan tidak akan dimasukkan dalam kompilasi Peserta serta senarai markah.

3. Durasi video

Durasi Video haruslah berada dalam masa 1 minit

4. Pemarkahan:

- (a) Kreativiti video: 30%
- (b) Idea makanan/resipi: 30%
- (c) Ketulenan: 25%
- (d) Kualiti video: 15%

5. Markah Bonus

- (a) Adegan 'menerima & menghantar Lactel Natural Set Yogurt' di intro dan outro video – 5%
- (b) Engagement termasuk Likes dan Comments (untuk pemilihan pemenang utama sahaja) – tambahan 5%

6. Pengumuman Pemenang

Pemenang akan diumumkan melalui laman Facebook Penganjur di: <https://www.facebook.com/LactelMalaysia> dan laman Instagram Penganjur di <https://www.instagram.com/lactelmy/> (“Pengumuman”) dalam tempoh [2 minggu] selepas tamat Tempoh Peraduan.

7. Komunikasi Kepada Pemenang

Penganjur akan mengumumkan senarai pemenang, dan pemenang yang terpilih perlu menyertakan butiran peribadi kepada Penganjur melalui “Facebook Messenger” bagi penyertaan melalui Facebook atau “Instagram Direct Message” bagi penyertaan melalui Instagram. Sekiranya, atas apa jua sebab, pemenang gagal untuk menyertakan butiran peribadi dalam masa lima (5) hari daripada tarikh Pengumuman iaitu selewat-lewatnya pada **18hb Februari 2022**, jam 3 petang selepas Pengumuman dilakukan, pemilihan pemenang tersebut akan terbatal secara automatik.

Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab (“Pemenang Tersingkir”). Sekiranya terdapat Pemenang Tersingkir, penyertaan seterusnya yang mengikuti langkah-langkah dan memenuhi kriteria yang ditetapkan akan dipilih untuk menjadi pemenang.

	<p>Setiap pemenang hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sama ada Hadiah Utama atau Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Peraduan.</p> <p>Untuk proses penghantaran hadiah, semua pemenang akan dimaklumkan atau dihubungi oleh Penganjur melalui "Facebook Messenger" bagi penyertaan melalui Facebook.</p> <p>Semua Pemenang akan dimaklumkan atau dihubungi oleh Penganjur melalui "Instagram Direct Message" bagi penyertaan melalui Instagram.</p> <p>Semua pemenang harus memaklumkan nama penuh, alamat dan nombor telefon.</p>
Hadiah	<p>1. Hadiah Utama: RM3,000 (1 Pemenang)</p> <p>2. Hadiah Mingguan: RM200 (30 Pemenang) 5 pemenang setiap minggu sepanjang Tempoh Peraduan (6 minggu)</p> <p>*Pemenang Hadiah Mingguan hanya akan menerima hadiah pada akhir Tempoh Peraduan. *Pemenang Hadiah Mingguan masih mempunyai peluang untuk memenangi Hadiah Utama, tetapi setiap pemenang hanya akan memenangi SATU (1) hadiah sahaja. Jika salah seorang pemenang Hadiah Mingguan memenangi Hadiah Utama, Hadiah Mingguannya akan dibatalkan secara automatik.</p>
Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah	<p>Semua hadiah akan diproses untuk penghantaran dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas tarikh akhir Tempoh Peraduan. Sekiranya mana-mana pemenang tidak menerima penghantaran hadiah atas apa-apa sebab dalam [tempoh yang munasabah dari tarikh Pengumuman], hadiah tersebut mestilah dituntut oleh pemenang tersebut dengan menghantar tuntutan bertulis kepada Penganjur dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Pengumuman. Sekiranya pemenang gagal untuk membuat tuntutan mengikut ketetapan ini, Penganjur berhak untuk membatalkan atau membuat apa-apa sahaja ke atas hadiah tersebut mengikut apa yang difikirkan wajar oleh Penganjur.</p>

Jadual Syarat Penyertaan ini hendaklah dibaca bersama dengan Syarat-Syarat Penyertaan yang disertakan di dalam dokumen ini (secara keseluruhannya "**Terma dan Syarat**") dan akan terpakai kepada semua Peserta yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai "**Peserta**"). Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta dianggap telah membaca dan bersetuju terhadap Terma dan Syarat dan pemprosesan data peribadinya seperti yang dinyatakan di dalam kedua-dua notis privasi dan dasar privasi di laman web <https://lactel.com.my/privacy-policy/>.

B: Syarat-Syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan, secara kolektif akan dirujuk sebagai “**Terma dan Syarat**”, dan terpakai kepada semua Peserta (dan sekiranya terpakai, termasuklah ibu bapa/penjaga bagi Peserta umur bawah 18 tahun). Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Setiap terma Syarat-Syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam Terma dan Syarat ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat ketidakpastian, dan perbezaan, Penganjur berhak untuk memberi keputusan, menjelaskan, menegaskan dan/atau menentukan takrifan yang paling tepat terhadap ketidakpastian dan perbezaan tersebut.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicaranya, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan ini menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh setiap Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, khidmat pesanan ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau akibat masalah akaun teknikal Peserta atau kesesakan trafik Internet.
- 2.4 Penganjur boleh menghendaki Peserta untuk menyediakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, dokumen pengenalan diri, dan persetujuan bertulis daripada ibubapa/penjaga yang sah dalam hal Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun (sekiranya terpakai).

- 2.5 Penganjur mempunyai budi bicara mutlak untuk menghapuskan, memadam dan membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan yang difikirkan oleh Penganjur sebagai tidak wajar/tidak sesuai, yang mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada penyertaan/penyerahan yang mengandungi apa-apa bentuk, kata-kata kesat, kandungan atau apa-apa perkara yang mungkin dianggap sebagai menyinggung atau sensitif.

3. Perlucutan Kelayakan

- 3.1 Penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa akan dilucutkan kelayakannya secara automatik.
- 3.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan, seperti menyunting gambar produk ke dalam video/gambar penyertaan.
- 3.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya dan Peserta tersebut hendaklah memulangkan hadiah tersebut atau bayaran nilai yang berkaitan dalam tempoh seperti yang ditetapkan dalam tuntutan oleh Penganjur.

4. Hadiah

- 4.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut hadiah menurut ketetapan tuntutan hadiah/tarikh penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan hadiah yang tidak dituntut.
- 4.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 4.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 4.4 Semua hadiah mesti diambil merujuk kepada dan mungkin tertakluk kepada terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan hadiah.
- 4.5 Hadiah diberikan berasaskan kepada "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak menjamin ataupun memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 4.6 Hadiah hendaklah dituntut oleh Peserta sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

5. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada video, gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "**Bahan**"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana

media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

6. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau Bahan yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai Bahan atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas Bahan atau hasil kerja tersebut.

7. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("**Lactel Malaysia**"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

8. Had Liabiliti

8.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

8.2 Penganjur, Lactel Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta termasuk berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang hadiah yang dimenangi oleh Peserta.

9. Am

9.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana kegagalan mereka untuk berbuat demikian adalah disebabkan oleh keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.

9.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang Bahan (termasuk bahan pemasaran dan promosi) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat Lactel Malaysia.

- 9.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah atau memindah mana-mana hak atau subkontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di dalam Terma dan Syarat. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 9.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 9.5 Terma dan Syarat ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

10. Notis Privasi

- 10.1 Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta telah bersetuju untuk Penganjur dan mana-mana syarikat Lactel Malaysia dan pembekal-pembekal perkhidmatan, ejen-ejen dan kontraktor-kontraktor yang memberikan sokongan pentadbiran dan perniagaan kepada Penganjur dan bertindak bagi pihak Penganjur ("**Pihak-Pihak Lantikan Ketiga**") (secara kolektif "**Penganjur**") memproses maklumat peribadi Peserta yang dikemukakan bagi tujuan penyertaan Peraduan ini termasuk mendedahkan nama Peserta kepada masyarakat umum apabila Peserta menjadi pemenang dalam sesuatu pertandingan atau menyertai acara Penganjur dengan menerbitkan nama, gambar-gambar dan lain-lain maklumat peribadi Peserta tanpa pampasan untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
- 10.2 Penganjur juga boleh menggunakan maklumat peribadi Peserta bagi tujuan menghubungi dan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk Penganjur, perkhidmatan, sampel, apa-apa promosi, acara atau pertandingan yang dianjurkan oleh Penganjur. Peserta hendaklah menyatakan pilihan semasa penyerahan sekiranya Peserta bersetuju kepada penggunaan maklumat peribadinya bagi tujuan Klausula 10.2 ini.
- 10.3 Sekiranya Peserta bersetuju untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadi seseorang yang Peserta berhasrat untuk menjadikan sebagai rujukan kepada Penganjur, Peserta mengakui bahawa Peserta telah mendapatkan persetujuan daripada individu tersebut untuk berkongsi dan mendedahkan maklumat peribadinya kepada Penganjur dan untuk dihubungi oleh Penganjur.
- 10.4 Bagi Peserta di dalam golongan bawah umur atau individu-individu yang tidak layak di bawah undang-undang untuk memberi kebenaran, ibu/bapa/penjaga mengesahkan bahawa Peserta telah melantik dirinya untuk bertindak dan untuk bersetuju bagi pihak Peserta kepada pemprosesan maklumat peribadi Peserta/ibu/bapa/penjaga selaras dengan notis privasi ini.
- 10.5 Pada masa tertentu, Penganjur mungkin melantik Pihak-Pihak Lantikan Ketiga untuk memproses maklumat peribadi Peserta. Semua Pihak-Pihak Lantikan Ketiga adalah terikat secara kontrak untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk menyimpan maklumat dengan selamat dan tidak menggunakan maklumat peribadi Peserta dalam apa jua cara selain daripada yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat ini dan dalam polisi privasi Penganjur di <https://lactel.com.my/privacy-policy/>.
- 10.6 Penganjur adalah sebuah syarikat global dan maklumat peribadi Peserta mungkin akan dipindahkan merentasi sempadan. Penganjur akan memastikan bahawa data Peserta hanya

akan dikongsi ke negara yang mempunyai tahap undang-undang perlindungan data yang sama atau setara, seperti yang dinyatakan dalam mana-mana polisi atau notis privasi yang terpakai.

- 10.7 Setakat mana yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai, Peserta mempunyai hak untuk meminta akses kepada, meminta salinan, meminta untuk mengemaskini atau membetulkan data peribadi Peserta yang disimpan oleh Penganjur.

Semua permintaan atau pertanyaan:

- (a) jika secara bertulis, hendaklah dialamatkan kepada:

Ace Canning Corporation Sdn Bhd (11631-M)
Lot 33 - 37, Lengku Keluli 1,
Kawasan Perindustrian Bukit Raja Selatan,
Seksyen 7, 40000, Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

Untuk Perhatian: Eksekutif Jenama

- (b) jika melalui telefon di talian 03-3362 2828

- 10.8 Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi Peserta untuk memproses penyertaan Peserta dalam Peraduan ini dan tanpa maklumat yang diperlukan, Penganjur tidak akan dapat memproses permohonan Peserta.

- 10.9 Untuk penerangan terperinci mengenai amalan privasi Penganjur, sila rujuk kepada polisi privasi Penganjur di <https://lactel.com.my/privacy-policy/>. Penganjur berhak untuk mengemaskini dan meminda notis privasi ini atau polisi privasi Penganjur dari semasa ke semasa.

- 10.10 Penganjur mungkin memerlukan Peserta untuk mengemukakan maklumat peribadi sensitif (seperti data yang berkaitan dengan kesihatan fizikal atau mental Peserta) sekiranya Peserta menyertai mana-mana Peraduan Penganjur.

Maklumat peribadi sensitif Peserta hanya akan digunakan oleh Penganjur bagi tujuan promosi-promosi yang tertentu dan untuk menasihati Peserta mengenai produk yang sesuai untuk memenuhi tahap kesihatan semasa dan gaya hidup Peserta.

Peserta mempunyai pilihan, pada bila-bila masa, untuk tidak memberikan maklumat peribadi sensitifnya atau membatalkan kebenarannya kepada Penganjur untuk memproses maklumat peribadi sensitif tersebut. Bagaimanapun, kegagalan untuk mengemukakan maklumat peribadi sensitif ini atau pembatalan kebenaran oleh Peserta untuk memproses maklumat peribadi sensitif Peserta yang dikemukakan, akan mungkin mengakibatkan Penganjur tidak dapat memproses penyertaan Peserta untuk tujuan Peraduan ini. Sekiranya Peserta tidak bersetuju untuk memberikan maklumat peribadi sensitif atau menarik diri daripada Peraduan, penarikan penyertaan tersebut perlu dibuat secara bertulis dan mesti diterima oleh Penganjur sebelum tamat Tempoh Peraduan. Oleh itu dalam keadaan sedemikian Peserta sudah dianggap telah menarik diri daripada Peraduan ini.